


# **KE ARAH MALAYSIA YANG ADIL**

**MANIFESTO BERSAMA BARISAN ALTERNATIF**


**PAS**

**Parti Islam SeMalaysia**



**KEADILAN**

**Parti Keadilan Nasional**



**PRM**

**Parti Rakyat Malaysia**



**DAP**

**Parti Tindakan Demokratik**



# **MANIFESTO BERSAMA**

Parti Islam SeMalaysia (PAS)

Parti KeADILan Nasional (KeADILan)

Parti Rakyat Malaysia (PRM)

Democratic Action Party (DAP)

## **KE ARAH MALAYSIA YANG ADIL**

OKTOBER 1999

## **Kandungan**

<b>CABARAN TERBESAR SEJAK KEMERDEKAAN</b>	<b>1</b>
Krisis Politik	
Kezaliman, Korupsi, Kronisme dan Nepotisme	
Krisis Ekonomi	
Pencabulan Hak Asasi	
Krisis Akhlak	
Krisis Kewibawaan	
Pembohongan Barisan Nasional	
Cita-Cita Rakyat Diketepikan	
Kesedaran Rakyat	
<b>BARISAN ALTERNATIF: MALAYSIA YANG ADIL DAN DEMOKRATIK</b>	<b>7</b>
Peristiwa Bersejarah	
Janji Kami	
<b>RANCANGAN DAN PROGRAM</b>	<b>10</b>
Program Kami	
Rancangan Bertindak	
<b>1. MENGUKUHKAN EKONOMI</b>	<b>14</b>
1.1 Kurangkan Beban Rakyat	
1.2 Pertumbuhan Dinamik dan Adil	
<b>2. MENINGKATKAN KETELUSAN DAN 'ACCOUNTABILITY'</b>	<b>22</b>
2.1 Ke Arah Politik yang Demokratik dan Adil	
2.2 Pulihkan Kewibawaan Perundangan dan Kehakiman	

2.3 Pulihkan Kewibawaan Perkhidmatan Awam	
<b>3. KONTRAK SOSIAL MENUJU ALAF BARU</b>	<b>26</b>
3.1 Pendidikan	
3.2 Kesihatan	
3.3 Perumahan	
3.4 Perkhidmatan Sosial	
3.5 Alam Sekitar	
3.6 Kepenggunaan dan Harga	
3.7 Pekerja	
3.8 Wanita	
3.9 Belia	
3.10 Warga Tua dan Pesara	
<b>4. PERPADUAN NASIONAL</b>	<b>38</b>
4.1 Agama dan Budaya	
<b>5. MEMBINA DEMOKRASI TULEN</b>	<b>40</b>
<b>6. MEMULIHKAN IMEJ DAN KEDUDUKAN ANTARABANGSA</b>	<b>42</b>
<b>MASA DEPAN NEGARA DALAM TANGAN RAKYAT</b>	<b>44</b>

## **CABARAN TERBESAR SEJAK KEMERDEKAAN**

Dengan beberapa perkembangan dewasa ini, jelaslah bahawa cabaran terbesar yang dihadapi seluruh rakyat Malaysia ialah usaha melahirkan sebuah negara yang adil dan demokratik.

### **Krisis Politik**

Di negara kita kini, telah terdiri sebuah sistem pemerintahan yang memusatkan kuasa pada pihak eksekutif amnya dan, dengan cara tertentu yang bermuslihat, pada seorang individu sahaja khususnya. Dengan itu, sistem 'sekatan dan imbangan' (*checks and balances*) telah dilumpuhkan. Apabila kuasa dijadikan milik peribadi seperti itu, maka:

- kepentingan pihak berkuasa diutamakan, kepentingan rakyat diketepikan;
- pihak berkuasa menentukan segala-galanya, termasuk apa yang kononnya merupakan kepentingan rakyat;
- daya upaya rakyat pastilah akan musnah; pencabulan hak asasi manusia berleluasa;
- pihak yang berkuasa tidak lagi menghormati dan tidak mengendahkan pandangan pihak-pihak lain yang tidak sehaluan dengannya dan melemparkan berbagai tohmahan terhadap mereka, termasuk tuduhan yang direka;
- yang lebih diutamakan daripada segala-galanya ialah kesetiaan membuta tuli terhadap para pemimpin, meskipun para pemimpin itu terbukti salah; dan
- prinsip dan amalan ketelusan awam tidak dipedulikan lagi oleh pemerintah.

### **Kezaliman, Korupsi, Kronisme dan Nepotisme**

Inilah sebabnya KEZALIMAN, KORUPSI, KRONISME dan NEPOTISME telah menjadi-jadi di negara ini sejak beberapa tahun yang lalu. Untuk menyembunyikan dan melindungi segala dosa tersebut, maka terpaksa salah golongan yang berkuasa itu melakukan penipuan dan berdusta

kepada rakyat. Mulai tahun 1980an, DEB dijadikan alasan untuk melakukan pilih kasih (kronisme) dan pilih keluarga (nepotisme) dalam perniagaan dan politik. Memang tidak boleh dinafikan bahawa ramai rakyat Malaysia, terutamanya daripada kaum Melayu, telah mendapat faedah daripada DEB. Tetapi kronisme dan nepotisme dewasa ini bukan demi pelaksanaan DEB, malah telah banyak menguntungkan beberapa kroni, termasuk bukan Melayu, yang cuba berselindung di sebalik DEB. Fitnah terhadap musuh-musuh politik telah menjadi amalan yang biasa di kalangan golongan pemerintah, dan makin bertambah menonjol dengan krisis politik dewasa ini.

### **Krisis Ekonomi**

Krisis kini menjadi lebih runcing memandangkan Malaysia belum lagi bersedia menghadapi pasaran global yang makin mencabar dan bersain-gan akibat keengganan pemerintah melaksanakan reformasi ekonomi dan politik yang tulen. Masa depan negara bergantung kepada daya saing dan keupayaan kita menembusi pasaran global. Satu sistem pentadbiran dan pengurusan syarikat (*corporate governance*) dalam satu rangka-pengawasan yang telus, tegas dan bebas daripada campurtangan politik yang tidak wajar dan berkepentingan, amat mendesak untuk mewujudkan ekonomi yang kukuh. Amalan korupsi, kronisme dan nepotisme di bawah pemerintahan BN hanya melumpuhkan ekonomi dan daya sain-gan kita di tahap antarabangsa di samping menggadaikan masa depan ekonomi, rakyat dan negara.

Di samping itu, pemerintahan BN sedang menyalahgunakan perbelanjaan kerajaan untuk memeras ugut dan 'membeli' rakyat menjelang pilihanraya. Hasil kerajaan berpunca daripada usaha, kerja dan pendapatan rakyat, bukan milik parti BN. Maka, rakyat berhak terhadapnya, dan BN tidak berhak langsung menyalahgunakannya mengikut nafsu dan demi kepentingan kuasa mereka.

## **Pencabulan Hak Asasi**

Pemerintahan BN telah banyak menyimpang daripada prinsip-prinsip dan hak-hak asasi yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia. Berbagai undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Akta Polis, dan sebagainya telah menafikan hak asasi rakyat untuk bersuara, berkumpul secara aman dan berpersatuan. Segalanya bergantung kepada sukahati pihak yang berkuasa. Malah, hak rakyat merujuk ke mahkamah pun dinafikan atau disanggah. Dewasa ini, disiplin polis telah banyak merosot akibat penyalahgunaan kuasa pucuk pimpinan negara, yang membawa kepada penyelewengan, termasuk keganasan polis terhadap rakyat jelata, terutamanya golongan yang lemah. Penyelewengan demikian ini jelas mencerminkan lagak samseng pucuk pimpinan pemerintahan, yang tidak menghormati hak asasi rakyat walaupun dijamin dalam Perlembagaan Malaysia.

## **Krisis Akhlak**

Pemusatan kuasa dan kekayaan dalam tangan segelintir pemimpin tertinggi negara telah menyebabkan keangkuhan golongan berkuasa sehingga mereka sanggup melakukan apa sahaja tanpa segan-silu, tidak kira benar atau palsu, betul atau salah, asalkan kuasa mereka berkekalan. Tahap akhlak di kalangan golongan pemerintah pada umumnya telah mengalami kadar kemerosotan yang amat menggerunkan. Golongan pemerintah bukan sahaja sudah hilang kewibawaan moral, malah tidak dapat diharapkan lagi untuk menjadi penyalur kemurnian akhlak kepada generasi yang akan datang. Golongan muda sudah berasa kecewa; mereka tidak lagi menghormati para pemimpin yang ada.

## **Krisis Kewibawaan**

Sistem pemerintahan telah memusnahkan kewibawaan pelbagai institusi masyarakat seperti parlimen, kehakiman, perkhidmatan awam, polis dan media yang dipertundukkan kepada kehendak pemimpin-pemimpin ter-

tentu. Ini mendatangkan kesan yang buruk terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia pada umumnya, malah telah menggugat keyakinan para pelabur, dari dalam dan luar negeri. Sebenarnya, hanya perubahan pemerintahan ke arah yang adil, bersih, cekap, jujur dan berkebolehan akan dapat memulihkan kewibawaan pemerintah dan kepercayaan orang ramai, menyatupadukan rakyat dan memajukan semula bangsa dan negara.

## **Pembohongan Barisan Nasional**

Pemerintahan BN:

- melanggar pelbagai prinsip dan cita-cita dalam pelbagai dokumen ciptaannya sendiri, misalnya prinsip-prinsip “kedaulatan undang-undang” dan cara hidup demokrasi yang tercatat dalam Rukunegara;
- mengabaikan tanggungjawab dalam melaksanakan sembilan cabaran Wawasan 2020, terutamanya cabaran untuk “melahirkan sebuah masyarakat yang benar-benar berakhlak” dan cabaran “melahirkan masyarakat penyayang”;
- tidak merealisasikan slogan-slogan laungan sendiri — yakni slogan-slogan tentang pemerintahan yang “bersih, cekap dan amanah”, “kepimpinan melalui teladan”, “tradisi membela rakyat”, dan sebagainya;
- kalau diambilkira juga berbagai kenyataan dan tuduhan pemimpin-pemimpin utama BN, maka ketara lagi pembohongan mereka kian merebak.

## **Cita-Cita Rakyat Diketepikan**

Terdapat beberapa keperluan dan cita-cita asasi rakyat yang sepatutnya diberikan perhatian utama dan segera seperti:

- sejumlah besar rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana masih belum mampu memperoleh kemudahan perumahan yang sesuai;
- sejumlah pelajar yang layak masih tidak dapat menikmati pendidikan tinggi tempatan yang bermutu pada kos yang berpatutan. Pendidikan yang bermutu bagi semua yang layak merupakan tanggungjawab kerajaan yang dapat memajukan ekonomi negara dengan lebih segera;

- rawatan perubatan yang berkualiti pada kos yang munasabah atau percuma masih belum terjamin bagi sejumlah besar rakyat.

Di samping itu, rakyat yang makin sedar bukan hanya inginkan ekonomi dan taraf hidup yang baik, tetapi juga kemajuan budaya dan rohaniah serta keselesaan persekitaran hidup.

Jelas bahawa kesejahteraan rakyat umum tidak menjadi agenda utama dasar pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang ada sekarang. Rakyat negara ini mempunyai hasrat yang amat tinggi terhadap pembangunan yang seimbang dan kesaksamaan sosial, sedangkan golongan pemerintah lebih mementingkan projek-projek mega yang raksaksa dan pencapaian bermegah-megah yang menggembungkan sifat takabur diri melalui projek-projek yang hanya mendatangkan manfaat kepada suatu kelompok kecil. Oleh kerana itu:

- jurang pemisah antara golongan berada dan golongan yang tidak berada menjadi semakin luas pada tahun-tahun sembilan puluhan ini;
- semakin meningkatlah bilangan dan peratusan rakyat yang semakin terpinggir dalam proses pembangunan ekonomi, yang bukan sahaja tidak adil dan bersifat songsang, tetapi juga boleh menghalang kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada masa akan datang;
- dasar pembangunan Kerajaan BN memberikan penekanan yang berlebihan terhadap keuntungan yang bersifat kebendaan sambil mengabaikan pembangunan masyarakat yang lebih seimbang dari segi rohani, akhlak, budaya dan tamaddun.

## **Kesedaran Rakyat**

Sejak kebelakangan ini, rakyat mulai sedar akan kecacatan dasar pembangunan BN dan kelemahan pimpinan BN. Maka, mulailah mereka menyatakan bantahan secara terbuka. Tanpa menghiraukan keluhan ikhlas rakyat, Kerajaan BN sebaliknya telah cuba menakutkan rakyat bahawa kononnya, keluhan demikian bersifat ganas dan akan mencetuskan persengketaan kaum. Menurut tohmahan BN, huru-hara akan terjadi jika sekiranya kekuatan kedudukan Kerajaan BN itu dipersoalkan.

Dalam menyebarkan dakyah tersebut, mereka telah memperalatkan sepenuhnya media aliran utama negara ini, yang dikuasai BN sepenuhnya. Tujuan mereka semata-mata untuk menakut-nakutkan dan memecah-belahkan rakyat, yang mulai sedar dan ingin memperjuangkan perubahan yang benar-benar bermakna. Jelaslah bahawa mereka cukup takut dan sedang cuba menghalang rakyat Malaysia daripada menggembelng tenaga demi membawa *reformasi* untuk melahirkan sebuah negara yang benar-benar adil, saksama dan demokratik.

Selain itu, dalam menghadapi kegelisahan rakyat, pemerintahan BN dengan jelasnya telah memperalatkan sentimen perkauman. Mereka cuba menimbulkan rasa syak wasangka di kalangan pelbagai kelompok kaum dan melaga-lagakan satu kelompok kaum dengan yang lainnya. Malah, BN terus menerus menggembar-gemburkan persengketaan kaum di negara-negara lain yang keadaannya sama sekali berbeza daripada negara ini dan tidak ada relevannya bagi negara ini. Pemerintahan BN juga memfitnah parti alternatif sebagai agen kuasa asing. Sedangkan merekalah yang mendakwa bahawa pelabur asing akan lari tanpa BN kononnya kerana tidak yakin pada parti alternatif. Rakyat tidak mudah tertipu oleh mereka yang sudah lama bersubahat dengan kuasa asing dari Barat dan Timur. Sekarang, BN cuba memomokkan kuasa asing sebagai alasan atas kegagalan BN dari segi pentadbiran ekonomi. Kita bersyukur kerana permainan jahat ini sudah disedari rakyat dan tidak lagi berkesan.

## **BARISAN ALTERNATIF: MALAYSIA YANG ADIL DAN DEMOKRATIK**

### **Peristiwa Bersejarah**

Kini, telah lahir iltizam yang amat kuat di kalangan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum untuk melaksanakan suatu perubahan besar. Rakyat Malaysia dari segala lapisan kini telah bertekad untuk melahirkan sebuah sistem demokrasi:

- yang jujur, dinamis dan benar-benar bertanggungjawab kepada rakyat;
- yang mempunyai sistem berparlimen yang dapat mewakili kepentingan-kepentingan rakyat jelata;
- yang mempunyai institusi kehakiman yang benar-benar bebas dan bersih;
- yang mempunyai angkatan polis yang bersifat profesional, yakni melaksanakan tugas-tugasnya secara adil dan saksama menurut lunas undang-undang;
- yang mempunyai media massa yang tidak dibelenggu oleh pihak berkuasa semata-mata;
- dengan sifat bertanggungjawab dan ketelusan yang dihargai sebagai ciri asasi sistem pemerintahan;
- di mana perbezaan pandangan dan pendapat bukan sahaja dihormati, malah dimanfaatkan untuk membaiki kesilapan akibat kekurangan faktor insaniah; dan
- yang mendukung ekonomi yang dinamis, kukuh, adil dan mampu bersaing di tahap antarabangsa.

Masyarakat adil dan demokratik yang kita hasratkan itu mestilah dibina atas asas nilai-nilai rohani dan akhlak yang tersimpul dalam ajaran Islam dan ajaran-ajaran agama lainnya. Pengamalan Islam sebagai *ad-deen* dan penghayatan nilai-nilai kerohanian — baik pada tahap individu maupun pada tahap masyarakat — adalah benteng yang melindungi kita daripada korupsi, tamak haloba dan keruntuhan moral. Demi mencapai natijah ini, institusi keluarga sebagai unit asas masyarakat mesti dimantapkan. Institusi-institusi sosial lainnya juga akan turut dimantapkan untuk men-

jadi asas pembinaan sebuah peradaban moden yang utuh. Sesungguhnya, dalam usaha membina sebuah bangsa yang berakhlak, perlulah usaha secara sedar untuk menggubal dasar dan program dalam setiap bidang kehidupan masyarakat yang menerapkan prinsip akhlak dan kerohanian yang bersifat universal. Di antara prinsip-prinsip ini, nyatalah bahawa prinsip keadilan mempunyai kedudukan yang utama.

Usaha Kerajaan BN untuk hanya memperjuangkan prinsip keadilan politik dan ekonomi di peringkat antarabangsa di kalangan negara-negara di dunia sahaja tidak jujur, konsisten atau menyeluruh. Sepatutnya, mestilah terdapat iltizam yang lebih untuk menegakkan prinsip dan amalan keadilan dalam Malaysia ini sendiri. Usaha Malaysia sebagai pejuang keadilan antarabangsa ditertawakan masyarakat dunia kerana prinsip yang sama tidak pula diperjuangkan dan dilindungi dalam negara kita sendiri. Sebahagian daripada perjuangan menegakkan keadilan ini ialah perjuangan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita, meskipun kita senantiasa berusaha untuk memupuk hubungan yang baik dengan negara-negara lain.

## **Janji Kami**

Dalam memperjuangkan cita-cita melahirkan negara Malaysia yang adil dengan nilai-nilai akhlak yang luhur, kita menghormati prinsip-prinsip asasi Perlembagaan Malaysia, iaitu:

- Kedaulatan perlembagaan;
- Raja berperlembagaan;
- Demokrasi berparlimen;
- Hak-hak kebebasan asasi;
- Keluhuran undang-undang;
- Kebebasan kehakiman;
- Hak dan tanggungjawab kewarganegaraan;
- Kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, dan prinsip kebebasan beragama;
- Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu

dan bahasa rasmi, dan hak menggunakan dan mempelajari bahasa-bahasa lain;

- Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak serta kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum lain; dan
- Sistem pemerintahan persekutuan yang memenuhi tanggungjawabnya, di mana kedudukan istimewa negeri Sabah dan Sarawak dilindungi dan dihormati.

Maka, kami berikrar akan:

- bersama dengan perjuangan rakyat untuk melahirkan negara Malaysia yang makmur dan adil berasaskan sistem pemerintahan demokratik tulen;
- melindungi dan mempertahankan hak dan martabat semua rakyat serta menjamin keadilan untuk semua;
- melaksanakan usaha sepadu untuk mempertingkatkan daya pengeluaran ekonomi, memantapkan kecekapan ekonomi, dan menyelaraskan pengurusan ekonomi demi menyediakan ekonomi negara menghadapi cabaran antarabangsa;
- menyalurkan sumber-sumber negara, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asasi rakyat, tetapi yang lebih penting lagi, untuk memastikan bahawa mutu kehidupan dan kesejahteraan masyarakat pada umumnya ditingkatkan;
- mengagihkan kemewahan dan peluang secara saksama kepada semua;
- mewujudkan kemudahan sosial yang bermutu dan persekitaran fizikal yang bersih dan selesa; memantapkan mutu pendidikan, kesihatan serta perkhidmatan sosial lainnya; membina masjid dan tempat-tempat ibadah; membina taman-taman dan perpustakaan-perpustakaan awam; membina pusat-pusat kegiatan budaya dan seni; dan membuka kesempatan seluas-luasnya untuk memanfaatkan komputer, teknologi maklumat dan cara komunikasi lainnya; dan
- mewujudkan suasana yang menggalakkan — melalui penyediaan prasarana, pendidikan dan perundangan — ke arah penghayatan Islam sebagai sistem hidup yang menyeluruh (*ad-deen*) di kalangan umat Islam, di samping memastikan bahawa hak masyarakat bukan Islam mengamalkan agama atau kepercayaan masing-masing terus terjamin.

## **RANCANGAN DAN PROGRAM**

### **Program Kami**

Pucuk pimpinan UMNO dan Barisan Nasional mengambil kesempatan di sebalik topeng menangani kegawatan ekonomi untuk menyelamatkan, malah memperluaskan lagi, kepentingan mereka sendiri serta kroni-kroni mereka.

Mereka memperluaskan lagi kuasa mereka, terutama sekali terhadap sektor korporat (melalui peristiwa seperti CLOB dan MPH B), bank (melalui syarat 'bantuan' Danaharta dan Danamodal) serta syarikat niaga saham.

Penyalahgunaan kuasa demikian telah melambatkan pemulihan ekonomi Malaysia berbanding dengan mangsa lain krisis ekonomi di rantau ini. Malah, negara-negara jiran yang mengalami krisis jauh lebih teruk pun kini sedang dalam proses pemulihan, sedangkan asas ekonomi kita sebelum krisis jauh lebih baik berbanding mereka.

Namun, cabaran ekonomi yang terbesar bukan sahaja sekadar pemulihan setelah krisis. Cabaran utama sebenarnya ialah pembentukan rangka pembangunan dan pengawasan nasional untuk masa depan, memandangkan sistem ekonomi antarabangsa yang sudah wujud dan akan berkembang.

Oleh yang demikian, Barisan Alternatif akan membentuk dasar baru untuk menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan dalam rangka liberal dan fleksibel, yang dilengkapi dengan rangka pengawasan yang berpatutan untuk menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan tanpa mengorbankan kepentingan jangka panjang negara. Masa depan Malaysia akan bergantung kepada penglibatan yang bijak dalam ekonomi global. Tetapi, Malaysia juga memerlukan rangka pengawasan untuk mengelak daripada menjadi mangsa kuasa pasaran modal global, bukan kerana spekulasi antarabangsa sahaja, tetapi juga kerana faktor tempatan, seperti kegunaan modal secara tidak cekap dan produktif, dan campurtangan pemer-

intah secara tidak telus demi kepentingan tertentu.

Untuk memulihkan ekonomi dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang mantap lagi mampan, semua sumber ekonomi patut digemblengkan. Suatu rangka pelaburan menarik, yang dapat menjaga kepentingan rakyat dan negara, akan disediakan. Retorik kosong Mahathir (sebenarnya, 'cakap tak serupa bikin') menjelang pilihanraya telah menjejaskan pelaburan asing yang baru dan juga perusahaan pelancongan, serta kepentingan rakyat yang bergantung terhadap kedua-duanya.

Ekonomi dunia kian berubah dengan pesat. Kita mesti menangani perubahan ini dengan bijak kerana ekonomi kita amat terbuka. Kami menjamin bahawa Barisan Alternatif akan tetap bersikap bertanggung jawab dan tidak akan mengubah peraturan dan suasana sesuka hati tanpa menghiraukan kesannya, terutama sekali terhadap nasib rakyat dan kepentingan nasional. Sementara itu, kami juga akan mengambil tindakan yang wajar untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul daripada kekurangan dan kegagalan pasaran tempatan dan global. Khususnya, kami berjanji mengambil tindakan untuk perbetulkan berbagai herotan yang muncul akibat pertumbuhan pesat yang tidak seimbang dalam dekad sebelum dilanda kegawatan ekonomi.

Justeru itu, Barisan Alternatif akan membentuk Majlis Perundingan Ekonomi dan Sosial untuk menggembelngkan bakat-bakat profesional sektor swasta maupun sektor awam serta masyarakat umum untuk mencapai muafakat dan sokongan penuh akan dasar yang dibentuk mengikut kepentingan negara dan rakyat.

Sasaran utama dasar tersebut ialah menggerakkan Malaysia ke arah ekonomi teknologi tinggi (*hi-tech*) dan ekonomi maklumat dan ilmiah (*information and knowledge economy*) sambil terus memajukan sektor-sektor tradisional seperti pertanian dan perindustrian. Sebagai sebuah negara yang kecil dengan bilangan penduduk yang kecil, inilah satu-satu jalan kita dapat berjaya dalam ekonomi global pada masa akan datang. Fleksibiliti, kecerdasan dan kecergasan dalam sektor perkhidmatan

sedunia, bukan industri berat ala Mahathir yang gagal, yang akan menjamin kedudukan dan masa depan negara dalam alaf baru.

Sasaran ini memerlukan masyarakat yang mempunyai tahap keilmuan, kecerdasan berfikir serta kreativiti yang tinggi.

Ia berkait rapat dengan pembentukan sebuah negara yang benar-benar demokratik dan adil, kerana itulah prasyarat untuk membebaskan potensi individu dan negara. Ia memerlukan pendekatan baru dan menyeluruh terhadap pendidikan. Ia memerlukan individu yang mampu mengawasi dan mendisiplinkan diri, bukan hanya sekadar menunduk kepada perintah atau sekadar akur hanya apabila diawasi dan dikawal. Malah, kemampuan mengawasi dan mendisiplinkan diri adalah asas akhlak dalam era teknologi maklumat, kerana itu sahaja yang mampu menangkis pengaruh, nilai dan kegiatan yang negatif.

Sementara itu, perkembangan antarabangsa jelas membuktikan bahawa ekonomi global yang sedang muncul tiada belas kasihan dan akan mendatangkan kesan buruk dari segi memperluaskan jurang pendapatan di dalam negeri dan di antara negara.

Kami ingin menghalang gejala ini, juga amat prihatin akan keperluan rangka sosial supaya membantu rakyat menghadapi cabaran ini melalui usaha pendidikan, latihan dan kebajikan yang serius dari awal-awal lagi.

## **Rancangan Bertindak**

Berdasarkan prinsip-prinsip yang telah dihuraikan dalam Muqadimah di atas, maka kami kemukakan, secara lebih terperinci, perkara-perkara utama yang patut dilaksanakan oleh kerajaan negara ini. Langkah-langkah permulaan untuk membangunkan sistem pemerintahan yang demokratik, telus, bertanggungjawab (*accountable*), serta berakhlak untuk menyediakan suasana di mana ekonomi kita boleh pulih kembali dengan lebih teguh, mantap dan mampan, rakyat boleh hidup dengan makmur, bebas dan sentosa, dan tanahair kita benar-benar disegani dunia.

Oleh itu, dalam penggal parlimen nanti, kami bercadang mengambil langkah-langkah tertentu bersesuaian dengan alaf baru demi:

- mengukuhkan ekonomi negara;
- meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti pentadbiran;
- mewujudkan kontrak sosial baru;
- memupuk perpaduan nasional;
- membina demokrasi tulen; dan
- memulihkan imej dan kedudukan Malaysia di pentas dunia

Secara am, sasaran *jangka panjang* kami ialah sebuah masyarakat maju yang adil

- yang memenuhi potensi insan dari segi jasmani, mental dan rohani;
- yang matang dari segi politik;
- yang bersifat penyayang;
- yang kreatif;
- yang mempunyai nilai dan orientasi hidup yang seimbang;
- yang benar-benar menyumbang kepada kebangkitan semula Asia dalam ertikata yang menyeluruh, bukan hanya ekonomi dan teknologi.

# 1. MENGUKUHKAN EKONOMI

## 1.1. Kurangkan beban rakyat

Kami ingin mengurangkan beban ke atas rakyat. Maka, sebagai langkah-langkah awal:

### 1.1.1. Kurangkan beban cukai

- Meningkatkan paras pendapatan yang dikecualikan cukai ke RM12,000 setahun di samping meningkatkan elaun anak-anak ke paras yang munasabah;
- Meningkatkan paras pengecualian cukai pendapatan untuk isteri yang bertugas sebagai surirumah sepenuh masa sebagai tanda penghargaan akan sumbangan besar mereka;
- Meningkatkan paras pengecualian cukai khidmat kepada jumlah niaga sejuta ringgit setahun;
- Menyemak semula sistem percukaian negara secara keseluruhannya, dengan tujuan untuk memperkukuhkan hasil kerajaan sambil mengurangkan beban cukai terhadap rakyat, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

### 1.1.2. Hapuskan kemiskinan mutlak

- Menghapuskan kemiskinan mutlak dalam jangka masa separuh penggal;
- Mengurangkan kadar kemiskinan dalam jangka masa satu penggal kepada paras separuh daripada kadar kemiskinan pada tahun 1999;
- Membaiki dasar serta rancangan pembasmian kemiskinan supaya dibebaskan daripada campurtangan politik dan benar-benar membantu golongan termiskin;
- Menyelaraskan berbagai program pembasmian kemiskinan yang sedia ada;
- Mengurangkan jurang pendapatan serta kekayaan di kalangan rakyat Malaysia tanpa menjejaskan hak sah semua rakyat.

### *1.1.3. Bantu peniaga kecil dan penjaja*

- Menamatkan amalan pelesenan peniaga kecil dan penjaja sebagai sumber pendapatan negara dan sebagai alat politik kepartian, sebaliknya menggunakan sistem pelesenan hanya untuk pengurusan dan pemantauan demi menjamin keselesaan dan kesihatan rakyat, peniaga kecil dan penjaja;
- Menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang selesa, bersih dan menarik bagi penjaja.

### *1.1.4. Baiki perkhidmatan pengangkutan awam*

- Membaiki mutu perkhidmatan pengangkutan awam dan mengurangkan kadar tambang pada keseluruhannya supaya sesuai dengan taraf hidup rakyat;
- Memberi permit teksi kepada pengusaha-pengusaha individu dan koperasi mereka, bukan lagi kepada syarikat besar;
- Meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan teksi oleh pengusaha individu melalui pembentukan koperasi, persatuan, majlis dan sebagainya untuk menghasilkan sistem pengangkutan teksi yang teratur;
- Menurunkan kadar tambang penerbangan domestik antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak demi mendorong integrasi nasional dan pelancongan dalam negeri;
- Memodenkan dan mempertingkatkan perkhidmatan keretapi di Semenanjung Malaysia;
- Memajukan sistem jalanraya di Sabah dan Sarawak;
- Memberi perhatian yang lebih serius terhadap masalah kemalangan dan bahaya lalu lintas dengan menyediakan kemudahan serta peraturan sesuai yang dapat menjamin keselamatan orang ramai;
- Mengkaji kemungkinan cara pengangkutan awam baru di bandar-bandar utama di Malaysia untuk membaiki mutu hidup di bandar;
- Mengadakan perkhidmatan pengangkutan bas-bas sekolah yang lebih teratur dan menasabah dari segi tambang untuk meringankan beban kepada ibu-bapa.

## *1.2. Pertumbuhan Dinamik dan Adil*

Supaya ekonomi kita lebih dinamis dan untuk meningkatkan daya saing kita di pasaran global, kita perlu juga pertingkatkan permintaan domestik serta pelaburan domestik yang produktif, bukan membazir. Maka, kami akan:

- Mengkaji semula rangka pengawasan yang sedia ada, dengan tujuan mengatasi kekurangannya;
- Memastikan sektor swasta berteraskan etika pengurusan korporat, sedangkan sektor perbankan dan kewangan tidak disalahgunakan dan senantiasa diuruskan dengan telus dan bertanggungjawab;
- Mengutamakan projek-projek yang menjana manfaat yang paling besar kepada rakyat seperti projek-projek perumahan kos sederhana dan rendah, projek memodenkan sistem keretapi, projek jalanraya di negeri Sabah dan Sarawak, dan sebagainya;
- Menghentikan projek-projek mega seperti Empangan Bakun dan Empangan Sungei Selangor yang membazir, memusnahkan alam sekitar dan tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat;
- Mempertingkatkan peluang ekonomi yang saksama bagi semua rakyat, dengan memberikan perhatian khusus dan bantuan khas kepada golongan yang dhaif, dan sokongan yang cekap untuk inisiatif usahawan tempatan, terutamanya usahawan kecil dan sederhana;
- Memastikan pembangunan ekonomi seimbang lagi mampan, dan tidak menjejaskan keutuhan sosial atau memusnahkan alam sekitar dan sumber alam;
- Memastikan rakyat miskin atau kurang berada di kampung-kampung tradisi, kampung-kampung baru dan ladang-ladang diserap ke dalam arus utama pembangunan negara menerusi rancangan pembangunan khas serta memberikan punca pendapatan lebih baik, pekerjaan dan milik tanah kepada mereka.
- Memastikan bahawa hak istimewa tidak disalahgunakan untuk memberi kemewahan kepada segelintir suku-sakat orang berkuasa.

### *1.2.1. Memantapkan perindustrian*

Walaupun perindustrian di Malaysia agak maju, kemampuan industri Malaysia masih agak ketinggalan dan kurang diberi perhatian dan sokongan sewajarnya. Kemampuan industri Malaysia masih tidak seimbang dan harus diutamakan dengan dasar serta institusi yang sesuai memandangkan masalah serta cabaran yang dihadapi. Maka, kami akan:

- Memodenkan ekonomi dan membanyakkan industri dengan daya pengeluaran tinggi bagi meningkatkan daya saing ekonomi negara dan menggalakkan eksport yang bernilai tinggi;
- Mengatasi kelemahan teknologi industri kita yang memperlihatkan jurang yang agak luas di antara yang agak mundur dengan yang paling canggih;
- Memastikan bahawa projek-projek besar, termasuklah projek-projek industri berat, dirancang secara sepadu dan selaras dengan pelan induk perkembangan industri yang menasabah;
- Memberi insentif serta sokongan lebih untuk industri kecil dan sederhana.
- Menggalakkan lagi – melalui sekim insentif yang tepat – hubungan antara industri tempatan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana, dengan syarikat-syarikat besar antarabangsa untuk meningkatkan pemindahan teknologi kepada industri tempatan serta kegunaan input tempatan;
- Menyokong usahawan tempatan dan menggalakkan perkembangan kemahiran serta kemampuan sumber manusia tempatan tanpa menolak kemahiran luar;
- Menggunakan modal, kepakaran, pasaran dan teknologi luar dengan bijaksana demi memperkukuh asas-asas ekonomi tempatan;
- Meningkatkan peranan sains dan teknologi demi kemajuan, dan memantapkan pendidikan sains asas di samping kemudahan latihan teknikal yang sesuai;
- Meningkatkan dan mempercepatkan peruntukan kewangan serta perangsang lain untuk penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi.

### 1.2.2. Mengukuhkan pertanian dan perikanan kecil dan sederhana

Kebelakangan ini, BN telah melupakan pentingnya sektor pertanian pada keseluruhannya, dan nasib serta masalah pekebun kecil khususnya. Kami akan perbetulkan ini dengan tumpuan yang wajar kepada sektor asas ini, yang sebenarnya telah menyelamatkan ekonomi Malaysia ketika kegawatan ekonomi melanda. Oleh kerana itu, Malaysia perlu:

- Mengutamakan pembangunan pertanian untuk meningkatkan pengeluaran makanan demi keselamatan dan kestabilan negara;
- Mempertingkatkan penyelidikan pertanian, khususnya teknologi tinggi, makanan serta kegunaan industri hasil tanaman di Malaysia;
- Menggubal undang-undang demi melindungi kepelbagaian alam (*biodiversity*) dalam bidang pengeluaran pertanian dan perhutanan, serta mempertingkatkan penyelidikan kegunaan industri bahan kepelbagaian alam;
- Mengkaji semula rancangan-rancangan FELDA, FELCRA, RISDA, MAJUIKAN serta badan-badan kemajuan pertanian dan perikanan lainnya untuk membaiki pengurusan dan teknologinya demi memanfaatkan para peneroka, petani dan nelayan;
- Menyusun semula monopoli pemerintah yang menelan sumber ekonomi kerajaan supaya menjadi badan yang lebih cekap, berkesan dan sesuai dengan pasaran;
- Melaksanakan dengan tegas undang-undang pengasingan kawasan perikanan supaya melindungi nelayan kecil daripada pencerobohan bot besar dan pukut yang merosakkan punca perikanan tepi pantai;
- Membangunkan lebih banyak tanah terbiar untuk meningkatkan pembangunan pertanian.

### 1.2.3. Teknologi dan ekonomi maklumat untuk semua

Rakyat Malaysia menyedari teknologi maklumat (IT) telah muncul dengan cepat sebagai bidang yang amat penting dan dinamik dalam ekonomi global, sedangkan pimpinan Mahathir telah banyak memberi perhatian kepadanya. Akan tetapi, masih terdapat beberapa jurang yang amat luas, misalnya di antara bandar dan luar bandar, yang mesti diatasi

supaya kita tidak akan ketinggalan zaman dengan kesan yang malang bagi mereka yang tertinggal.

Oleh demikian, kami akan berusaha:

- Mempercepatkan penyambungan infrastruktur telekomunikasi ke seluruh pelusuk negara dan mengurangkan kos penggunaannya bagi rakyat jelata;
- Mengembangkan pendidikan teknologi maklumat (IT) di semua sekolah dari sekolah rendah;
- Merancang semula pengenalan teknologi maklumat (IT) kepada masyarakat umum dengan lebih berkesan;
- Melancarkan program 'satu kampung, satu pusat IT' dengan memberi insentif yang wajar untuk menggalakkan penyebaran kemudahan teknologi maklumat di pekan kecil dan di luar bandar;
- Mewajibkan perancangan infrastruktur teknologi maklumat di semua skim perumahan yang baru, termasuk rumah kos murah dan sederhana, dan memodenkan infrastruktur ini di kawasan perumahan sedia ada dengan cara yang paling cekap;
- Berunding dengan pengeluar perisian untuk mendapat perisian yang murah untuk pasaran tempatan.

#### *1.2.4. Utamakan perusahaan kecil dan sederhana*

Perusahaan kecil dan sederhana boleh memainkan peranan yang penting, bukan hanya untuk pemulihan ekonomi, malah dalam usaha menembusi pasaran antarabangsa. Akan tetapi, amatlah ketara rangka institusi kini perlu dirombak semula supaya benar-benar menyokong pembangunan dan perkembangan perusahaan ini. Banyak insentif perlu diberi untuk menggalakkan peningkatan secara berterusan teknologi pengeluaran dan perkhidmatan perusahaan kecil dan sederhana serta daya pengeluaran mereka. Sehubungan ini, kita perlu:

- Menubuhkan dana pelaburan yang dijamin oleh kerajaan untuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang diperuntukkan mengikut prestasi, bukan pilih kasih politik.

### *1.2.5. Merombak rangka dasar penswastaan*

Cukup ketara bahawa dasar penswastaan Barisan Nasional dan pelaksanaannya telah banyak diselewengkan demi menguntungkan segelintir orang dengan pendekatan pilih kawan (kronisme) dan pilih keluarga (nepotisme). Melalui penyelewengan demikian, monopoli swasta telah menggantikan monopoli awam sehingga rakyat dibebankan dengan harga yang terus meningkat. Rangka pengawasan yang sepatutnya melindungi kepentingan awam hampir tiada atau pun tidak berkesan.

Penswastaan boleh digunakan secara berhati-hati demi pembangunan negara, tetapi dasar penswastaan serta pelaksanaannya perlu dirombak. Kalaulah sektor swasta boleh mengurus perkhidmatan dan memajukan projek dengan lebih cekap dan menarik modal yang kekurangan, sektor swasta boleh dijempit mengambilalihnya daripada sektor awam asalkan kepentingan awam tidak dikorbankan, seperti berlaku di bawah BN. Kemudahan awam yang bersifat monopoli tidak patut dibenarkan menjadi monopoli swasta. Di bawah BN, faedah daripada penswastaan dibolot oleh kroni pemimpin-pemimpin tertentu, sedangkan hanya sedikit faedah yang tumpah kepada rakyat atau pun sektor awam. Kami berjanji:

- Menggantikan dasar penswastaan kini, yang mengandungi unsur udang di sebalik batu, dengan dasar penswastaan telus yang dapat memelihara kepentingan pengguna serta pekerja, dan menjamin hak rakyat. Oleh yang demikian, kami akan memastikan bahawa butir-butir semua kontrak penswastaan diumumkan kepada orang ramai;
- Memastikan bahawa dasar penswastaan memanfaatkan masyarakat, dan bukan lagi sekadar menggantikan monopoli awam dengan monopoli swasta;
- Memastikan bahawa segala kemudahan dan perkhidmatan awam yang asasi – seperti air, pendidikan, kesihatan dan perumahan rakyat – hanya diperbadankan atau dikorporatkan demi memperbaiki pengurusan, tetapi tidak diswastakan;
- Memastikan bahawa perusahaan awam yang telah pun diswastakan akan diawasi dengan rapi untuk memelihara kepentingan rakyat (perusa-

haan yang telah pun diswastakan tidak akan dihakmiliknegarakan kerana kami akan patuh kepada undang-undang negara; namun, kontrak yang tidak sah boleh dimansuhkan demi kepentingan rakyat dan negara);

- Membentuk sebuah Suruhanjaya Bebas untuk mengkaji dan mengaudit semua projek besar yang telah diswastakan untuk memastikan manfaatnya kepada rakyat.

### *1.2.6. Memantapkan Sistem Kewangan*

Malaysia mesti menyediakan rangka yang perlu untuk mengurus sistem kewangan kita dengan lebih baik supaya dapat mengambil tempatnya bersama negara-negara lain dalam masyarakat kewangan antarabangsa. Maka itu, kami akan membatalkan langkah-langkah kawalan modal 1 September 1998 dan menggantikannya dengan sistem baru untuk mengawasi pengaliran kewangan supaya dapat mengelak krisis 1997-8 daripada berulang.

Kami akan memperkemaskan sistem kewangan dalam negeri supaya:

- bersifat adil, telus, bertanggungjawab serta tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam;
- menyalurkan pelaburan dan kemudahan kredit ke bidang yang produktif, bukan ke bidang spekulatif;
- memulihkan imej, prestij dan kewibawaan Bank Negara;
- memastikan perbelanjaan persekutuan disalurkan terutamanya untuk mempertingkatkan taraf hidup golongan miskin, serta kawasan desa dan pedalaman yang masih terpinggir.

Sistem percukaian juga akan diteliti dengan tujuan menggunakannya untuk menggalakkan para pengguna dan pengusaha industri supaya lebih peka terhadap pemeliharaan alam sekitar serta perkara-perkara lain yang diingini dari segi kepentingan negara. Antara perkara yang akan diberi perhatian ialah percukaian terhadap untung spekulasi, pengurangan beban cukai pendapatan upah, gaji dan dividen, dan percukaian terhadap sumber-sumber alam untuk menggalakkan penggunaannya yang cermat.

## 2. MENINGKATKAN KETELUSAN DAN 'ACCOUNTABILITY'

### 2.1 Ke arah politik yang demokratik dan adil

Keperluan proses pemerintahan yang lebih demokratik amat mendesak. Ketelusan serta akauntabiliti (*accountability*) perlu diterapkan ke dalam semua aspek pentadbiran kerajaan, tanpa mengganggu-gugat kelicinan pentadbiran.

Kami akan menggalakkan pengagihan kuasa sehingga ke peringkat tempatan supaya lebih melibatkan kerajaan negeri dalam pembangunan negeri masing-masing, sambil menghidupkan kembali penyertaan rakyat dalam pemilihan kerajaan tempatan seperti majlis perbandaran, dan sebagainya.

- Menguatkan kewibawaan Parlimen melalui penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa tetap yang terdiri dari semua parti yang diwakili dalam Parlimen dengan kuasa menamakan Peguam Negara, Hakim Negara dan Hakim-Hakim lain, Ketua Polis Negara dan Gabenor Bank Negara yang akan dilantik oleh DYMM Yang di Pertuan Agong di bawah Perlembagaan;
- Menghadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri kepada dua penggal pada masa hadapan;
- Menjamin kebebasan media supaya dapat mengawasi dan mendedahkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa jika berlaku;
- Melaksanakan secara tegas semua undang-undang yang kini mewajibkan mendengar pandangan orang awam (*public hearing*) sebelum sesuatu projek dilaksanakan atau peraturan dipinda, seperti Akta Perlindungan Alam Sekitar, pindaan kepada taksiran nilai hartanah, dll.;
- Mengkaji semula kaedah pemilihan anggota Dewan Negara dengan tujuan memperkenalkan kaedah yang mencerminkan kepentingan seluruh rakyat;
- Memperkenalkan semula sistem pilihanraya bagi kerajaan tempatan supaya pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi dapat menegakkan

prinsip akauntabiliti;

- Memperkenalkan sistem hisbah (*ombudsman*) sebagai badan pengaduan awam yang bebas lagi berkesan;
- Melindungi, melalui undang-undang, individu atau kumpulan, yang mendedahkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah, terutamanya di peringkat atasan.
- Menjadikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) sebagai sebuah badan bebas yang dilindungi oleh perlembagaan dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen; BPR mestilah diketuai oleh tokoh yang berwibawa;
- Mewajibkan pengisytiharan harta wakil-wakil rakyat dilakukan secara terbuka pada setiap tahun;
- Meningkatkan kewibawaan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dengan memberikan kuasa penuh perlantikan Pengerusi serta anggota-anggota lain SPR kepada Parlimen melalui proses 'open hearing';
- Membersihkan daftar pemilih supaya bebas daripada 'pengundi hantu', 'pengundi bertindih', dan warganegara asing;
- Mengurangkan had umur mengundi bagi warganegara Malaysia kepada 18 tahun dan menjamin pendaftaran semua warganegara secara automatik sebagai pengundi yang sah.

## 2.2 Pulihkan kewibawaan perundangan dan kehakiman

- Membentuk sebuah Suruhanjaya DiRaja untuk mengkaji semula sistem kehakiman dan pentadbiran undang-undang negara, dan membuat syor-syor wajar untuk dilaksanakan, termasuk syor-syor untuk menjamin kebebasan kehakiman, perlantikan dan pemecatan hakim dan penyalahgunaan undang-undang menghina mahkamah;
- Memulihkan imej dan kedudukan Polis DiRaja Malaysia dengan menubuhkan satu jawatankuasa tetap sebagai Suruhanjaya Polis yang bebas untuk menerima dan mempertimbangkan rayuan rakyat jelata berkenaan kelakuan polis;
- Memastikan bahawa Peguam Negara tidak boleh menjadi ahli yang turut mengundi dalam membuat keputusan Lembaga Pengampunan, tetapi hanya menjadi sumber nasihat dan maklumat untuk lembaga tersebut;

- Mengasingkan perkhidmatan perundangan dan kehakiman, supaya kedua-duanya tidak sekali gus dikuasai oleh Peguam Negara;
- Menjamin sistem '*checks-and-balances*' dengan meminda segala undang-undang yang kini menidakkan kuasa penilaian semula kehakiman (*judicial review*), termasuk undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, dll.;
- Mengkaji semula kedudukan, pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang syariah bagi menjamin pelaksanaan keadilan dan melindungi aqidah umat Islam.

### 2.3 Pulihkan kewibawaan perkhidmatan awam

Anggota perkhidmatan awam negara mempunyai kebolehan dan profesionalisme yang tinggi.

Di bawah Kerajaan Barisan Nasional, terutamanya kebelakangan ini, potensi penuh perkhidmatan awam tidak tercapai. Sebaliknya, semangat anggotanya semakin merosot kerana perkhidmatan awam telah dipolitikkan dengan berbagai cara sehingga menjejaskan profesionalisme anggotanya. Budaya mengiyakan pemimpin politik digalakkan sehingga menggantikan budaya integriti dan berkhidmat demi kepentingan awam.

Perkhidmatan awam memerlukan perubahan paradigma dan harus diberi peranan yang berpatutan untuk mengurus pembangunan dan pentadbiran negara tanpa diganggu oleh politik kepartian.

Demi itu, kami berjanji akan:

- Memulihkan kewibawaan perkhidmatan awam, dengan memanfaatkan sepenuhnya kepakaran dan pengalaman yang terdapat di kalangan para anggota perkhidmatan awam;
- Mengganggap anggota perkhidmatan awam sebagai pasangan yang setaraf dalam usaha membangunkan negara;
- Mengadakan reformasi sektor awam yang perlu demi meningkatkan kecekapannya dan menaikkan semangat dan etika bekerja dengan mem-

*Manifesto Bersama*

perbaiki keadaan bekerja dalam sektor awam;

- Berusaha menghapuskan jurang dari segi syarat perkhidmatan di antara sektor awam dan sektor swasta, terutamanya di kalangan mereka yang mempunyai kelayakan yang sama dan melaksanakan tugas yang sama;
- Mengurangkan jurang pendapatan antara peringkat tertinggi dan peringkat pertengahan dan bawah sebagai teladan bagi sektor swasta;
- Menggalakkan anggota perkhidmatan awam menunjukkan iltizam yang baru demi berkhidmat untuk rakyat dan negara, bukan untuk pemimpin politik.

### **3. KONTRAK SOSIAL MENUJU ALAF BARU**

Keghairahan Kerajaan BN memajukan projek 'mega' dan menswastakan kemudahan-kemudahan sosial telah mengenyepikan kepentingan dan keperluan rakyat jelata. Maka, perlu dijalin satu 'kontrak sosial' baru antara pemerintah dan rakyat – yang akan mengutamakan keperluan dan kepentingan rakyat pada masa depan. Kami menganggap hak mendapat perumahan, pendidikan dan kesihatan sebagai hak asasi rakyat jelata.

#### **3.1. Pendidikan**

Pengiktirafan rakyat Malaysia terhadap pentingnya pendidikan merupakan suatu kekuatan nasional. Sikap ini boleh menjamin masa depan rakyat masing-masing dan negara keseluruhannya.

Pendidikan yang luas juga merupakan satu cara utama untuk mengurangkan jurang sosio-ekonomi, di samping menyediakan rakyat untuk menghadapi cabaran masa depan dan globalisasi.

Sekolah dan institusi pengajian tinggi telah dibangunkan di seluruh negara dan telah berjaya mendidik ramai orang, tetapi malangnya, ramai lagi yang tidak berpeluang melanjutkan pendidikan mereka sehingga memenuhi potensi masing-masing..

Di samping itu, semua warga institusi pengajian menyedari kelengkapan serta mutu pendidikan dalam negeri semakin merosot, sedangkan semangat guru-guru sekolah dan pensyarah institusi pengajian tinggi semakin lemah.

Kemerosotan ini mesti dihentikan dan pembangunan sepadu – yang merangkumi peruntukan serta kurikulum – mesti diutamakan. Penglibatan guru-guru dan pensyarah dalam proses pengurusan amat perlu untuk meningkatkan semangat mengajar.

Masalah utama kini ialah sikap Kerajaan BN, yang mahu menswastakan pendidikan dan menganggap pendidikan sebagai satu lagi cara mengaut

keuntungan, iaitu sebagai satu jenis perniagaan. Falsafah dan orientasi institusi pendidikan swasta harus disesuaikan dengan kepentingan awam untuk mengutamakan cita-cita pendidikan, bukan keuntungan semata-mata - seperti berlaku di banyak negara lain.

Maka, kami bercadang mengambil langkah-langkah berikut sebagai langkah permulaan ke arah sebuah sistem yang memenuhi keperluan dan hasrat rakyat untuk pendidikan, serta kepentingan negara dan masyarakat:

- Menegaskan bahawa pendidikan merupakan tanggungjawab asasi negara, meskipun sistem pendidikan swasta dibenarkan;
- Sebuah Majlis Perundingan Pendidikan Kebangsaan akan ditubuhkan untuk memastikan penghayatan Falsafah Pendidikan Negara dan pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan secara berkesan dan adil;
- Menghentikan segala usaha ke arah penswastaaan institusi pengajian tinggi awam dan mengkaji semula pelaksanaan dasar pengkorporatan supaya memastikan ia berpegang kepada prinsip pendidikan dan bukan keuntungan kewangan;
- Memperuntukkan perbelanjaan pendidikan supaya lebih seimbang dan adil dan tiada golongan yang diabaikan;
- Mengagihkan lebih biasiswa dan bantuan pendidikan lain berdasarkan keperluan;
- Memperbanyakkan kemudahan taska dan tadika, terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah;
- Menjamin terdapatnya pendidikan wajib yang percuma untuk peringkat sekolah rendah dan menengah rendah;
- Meningkatkan mutu dan kemudahan sekolah di kawasan pedalaman, terutamanya di Sabah dan Sarawak;
- Mengkaji semula sekim perkhidmatan guru serta memperkenalkan insentif tambahan untuk berkhidmat di kawasan pedalaman;
- Menaikkan taraf latihan guru untuk semua peringkat sekolah dan meningkatkan bilangan guru yang dilatih selaras dengan permintaan;
- Memperbanyakkan peluang latihan lanjutan untuk guru dan pensyarah supaya sentiasa kemaskini dari segi pengetahuan dan kemahiran mereka masing-masing;

- Memantapkan mutu dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan di kalangan rakyat;
- Menggalakkan dan mengembangkan Bahasa Melayu sebagai bahasa sastera dan budaya yang dinamik, yang diterima dan digunakan oleh semua kaum di Malaysia;
- Menjamin hak mempelajari bahasa ibunda seperti Cina, Tamil, Iban, Kadazandusun dan lain-lain di sekolah dan membaiki pelaksanaan peraturan dasar bahasa ibunda supaya lebih cekap, bermutu dan peka terhadap permintaan ibu-bapa; guru bahasa ibunda yang terlatih mesti disediakan oleh sekolah kerajaan kalau terdapat sekurang-kurangnya sepuluh anak murid yang menghendaki guru bahasa berkenaan dan latihan guru bahasa ibunda akan ditingkatkan di kolej latihan guru dan di institusi pengajian tinggi awam;
- Mengekalkan aliran bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah seperti yang wujud pada masa kini, di samping menggalakkan integrasi di kalangan para pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum, misalnya menerusi kegiatan ko-kurikulum;
- Menambahkan jumlah dan kemudahan sekolah bahasa ibunda sesuai dengan permintaan;
- Memajukan pengajaran serta pembelajaran bahasa-bahasa antarabangsa, terutamanya bahasa Inggeris dan bahasa Arab mengikut keperluan dari semasa ke semasa;
- Meningkatkan mutu dan kemudahan yang terdapat di sekolah rendah dan menengah agama;
- Memperkukuhkan kedudukan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang sedia ada dan meningkatkan prestasi mereka;
- Memperbanyakkan bilangan IPTA secara teratur supaya tidak melemahkan IPTA yang sedia wujud untuk membolehkan mereka menerima pelajar-pelajar yang layak dengan yuran pengajian yang paling minima atau percuma;
- Memperluaskan skim biasiswa dan pinjaman, terutamanya untuk pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana;
- Menjamin otonomi universiti dan institusi pengajian tinggi serta mutu mereka dengan membentuk Suruhanjaya Universiti yang akan menyelia pengurusan semua universiti, dan meminda AUKU supaya menegakkan

hak asasi masyarakat akademik, termasuk siswa-siswi;

- Mengadakan saluran TV pendidikan untuk melengkapi pendidikan formal dan untuk menggalakkan pendidikan berterusan sepanjang umur, dengan bantuan sektor korporat swasta dan institusi-institusi pendidikan awam dan swasta;
- Memperluaskan skop Lembaga Akreditasi Negara untuk memantau, mengkaji dan mengiktiraf taraf akademik, diploma, ijazah dan sijil peperiksaan di luar sistem pendidikan kebangsaan. Ijazah-ijazah dari institusi pengajian tinggi Arab, Indonesia, Filipina, Taiwan, India, Pakistan, China dan negara-negara lain serta sijil-sijil persekolahan tempatan – seperti Sijil Peperiksaan Sekolah Bebas Bersatu (United Independent Schools Examination, UISE) – perlu ditimbang dari segi taraf akademiknya.

### **3.2. Kesihatan**

Kerajaan Barisan Nasional mempunyai rancangan pengkorporatan sistem kesihatan awam sebagai langkah ke arah penswastaan. Rancangan ini dijalankan tanpa perundingan yang wajar dengan pihak-pihak yang berkenaan, termasuk kakitangan sistem kesihatan dan rakyat jelata. Setelah dibantah oleh orang ramai, Kerajaan BN terpaksa mengumumkan pembatalan rancangan asalnya menjelang pilihanraya, tetapi sedang memindahkannya untuk dilaksanakan setelah pilihanraya.

Walhal, Malaysia mempunyai sistem kesihatan awam antara yang terbaik dan termurah dari segi kecekapan belanjanya di dunia. Ini telah dicapai dengan peruntukan belanjawan yang sedikit – pada puratanya, sebanyak 7% daripada perbelanjaan mengurus dan 4% daripada perbelanjaan pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh setakat ini (1996-1999). Tiada sebab kewangan mengapa sistem ini perlu diswastakan pada ketika ini.

Oleh demikian, pihak-pihak berkuasa patut mengadakan perundingan dengan semua pihak yang berkenaan tentang cara-cara terperinci untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan. Demimempertahankan dan

memajukan lagi mutu perkhidmatan ini, kami mencadangkan langkah-langkah berikut:

- Menubuhkan Majlis Kesihatan Kebangsaan, yang bertujuan memelihara kepentingan semua rakyat, untuk memajukan lagi mutu kesihatan;
- Membatalkan semua program untuk menswastakan sistem kesihatan awam;
- Mengkaji semula – dari segi kos dan mutu perkhidmatan – segala perkhidmatan kesihatan yang telah diswastakan;
- Meningkatkan peruntukan perbelanjaan untuk sektor kesihatan;
- Merombak sekim perkhidmatan kakitangan kesihatan kerajaan supaya lebih menasabah memandangkan beban kerja serta tanggungjawab mereka;
- Mengekalkan perkhidmatan rawatan kos rendah untuk semua rakyat;
- Menubuhkan suruhanjaya untuk mengkaji kekurangan sistem kesihatan yang sedia ada untuk mengemukakan cadangan yang perlu untuk memajukan sistem kesihatan sektor awam;
- Mengawasi perkhidmatan rawatan swasta untuk mereka yang mampu dan memerlukannya supaya mengurangkan penyelewengan;
- Mewujudkan pusat kebangsaan kawalan penyakit bagi melakukan kajian, memantau dan mengawal penyakit-penyakit;
- Memperbanyakkan peluang pendidikan serta latihan kepakaran yang berterusan untuk doktor, jururawat dan kakitangan makmal;
- Mengkaji untuk mengiktiraf kaedah-kaedah rawatan *complementary* (seperti homeopathy dan perubatan tradisional) ke dalam sistem kesihatan Malaysia;
- Mempertingkatkan kegiatan-kegiatan promosi dan pendidikan kesihatan, serta kegiatan-kegiatan pencegahan dan pemantauan penyakit;
- Menggalakkan penglibatan kaum wanita dalam sektor perubatan, termasuk melatih lebih ramai doktor wanita demi menangani masalah pesakit wanita.

### 3.3. Perumahan

Perumahan yang selesa pada harga yang berpatutan merupakan satu

keperluan asasi. Keperluan ini makin mendesak dengan proses perbandaran – kini, hampir 60% daripada penduduk Malaysia berada di kawasan bandar.

Program pembangunan perumahan kos rendah dan sederhana Kerajaan Barisan Nasional jelas telah gagal sejak tahun lapan puluhan. Akibat dasar songsangnya dan amalan spekulasi tanah yang berlebihan, terdapat penawaran yang berlebihan bagi perumahan pada harga yang di luar kemampuan golongan pendapatan rendah dan sederhana. Maka, golongan-golongan ini telah bertahun-tahun menunggu giliran mereka; antara hasil kehampaan ini ialah fenomena peneroka bandar (“setinggalan”).

Barisan Alternatif akan menubuhkan sebuah Perbadanan Perumahan Rakyat dengan tugas memenuhi permintaan perumahan kos rendah dan sederhana. Program pembinaan ini boleh dikorporatkan dan kerajaan akan menguruskan peruntukan perumahan. Secara tidak langsung, program ini akan mengurangkan harga perumahan di pasaran terbuka, yang akan menguntungkan semua rakyat.

Selagi masalah perumahan tidak selesai, hak peneroka bandar hendaklah terus diiktiraf. Peneroka bandar berhak mendapat perumahan alternatif atau pampasan lain yang wajar kalau dikehendaki berpindah untuk melicinkan pembangunan. Di samping itu, Kerajaan Alternatif akan:

- Memperbanyakkan rumah kos rendah baik dan selesa yang dapat memenuhi keperluan asas seisi keluarga dari segi ruang persekitaran;
- Menyelesaikan masalah “setinggalan” dengan segera, terutamanya di kawasan bandar, sebaik-baiknya melalui pembangunan perumahan *in situ* dan/atau sistem perkongsian tanah (*land sharing*);
- Kekerasan dan pemaksaan mesti dielakkan dalam proses penempatan semula kaum “setinggalan”. Perundingan hendaklah dijalankan di antara “setinggalan”, pemaju dan pihak berkuasa terlebih dulu untuk menyetujui soal-soal rumah/tanah ganti atau pampasan;
- Berusaha untuk menyediakan kemudahan pinjaman yang murah bagi membantu peneroka bandar memiliki rumah sendiri;
- Kemudahan awam di kawasan rumah pangsa hendaklah diper-

banyakkan untuk menjamin pertumbuhan sahshiah yang seimbang.

### **3.4 Perkhidmatan Sosial**

Kami akan memberi tumpuan yang lebih kepada keperluan sosial rakyat, terutamanya mereka yang kurang bernasib. Akan tetapi, ini hanya dapat dilakukan dengan bantuan dan kerjasama daripada pertubuhan sosial dan komuniti. Maka, kami akan mengeratkan perhubungan dengan pertubuhan-pertubuhan tersebut dan menggalakkan mereka mengambil peranan yang lebih besar dengan sokongan daripada kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan.

- Memastikan bahawa negara menyediakan perkhidmatan sosial yang menyeluruh, adil dan cekap sebagai salah satu tanggungjawab asasi kerajaan.
- Memastikan setiap projek perumahan yang melebihi saiz tertentu menyediakan kemudahan-kemudahan sosial, seperti padang, kelab rekreasi awam, perpustakaan dan sebagainya untuk kegunaan rakyat awam.
- Mengadakan suatu sistem yang tersusun lagi menyeluruh untuk melindungi dan membantu kebajikan golongan fakir miskin, anak yatim, dan ibu atau bapa tunggal.
- Memastikan bahawa peluang dan hak yang sama disediakan untuk orang cacat bagi memperoleh kemajuan diri, pendidikan, kerjaya, penyertaan dalam masyarakat dan kemudahan yang perlu untuk hidup berdikari di semua kawasan, kemudahan dan bangunan awam.

### **3.5. Alam Sekitar**

Kerajaan BN hanya bercakap manis tentang alam sekitar dan pembangunan mampan. Walhal, mereka tiada program untuk pembangunan bestari terhadap sebarang aspek alam sekitar (sama ada perhutanan, perikanan, perairan dan udara), malah tidak berupaya menggembelingkan tenaga rakyat untuk memelihara persekitaran hidup mereka. Kebanyakan petunjuk alam sekitar menunjukkan kemerosotan mutu alam sekitar, walaupun kerajaan pernah merahsiakan indeks pencemaran udara apabi-

la jerebu bertambah buruk. Apabila sesuatu yang tidak dikehendaki berlaku, seperti keruntuhan tanah, pemimpin kerajaan pandai menyalahkan orang ramai, negara jiran, malah Tuhan juga!.

Bumi adalah anugerah Tuhan kepada insan. Kadar pemusnahan dan pengurangan sumber alam kini menimbulkan pertanyaan: Apakah yang akan menjadi pesaka anak-cucu kita? Maka, secara prinsip, pembangunan tidak harus memusnahkan alam sekitar, dan sebarang impak negatif pembangunan terhadap alam sekitar mesti diminimakan melalui satu sistem pengurusan pembangunan yang menyeluruh, kukuh serta berpanjangan jauh.

Demi itu, kami berjanji:

- Menggubal dasar jangka panjang pembangunan bestari dengan penglibatan semua golongan masyarakat supaya mendapat sokongan penuh bagi setiap peringkat kerajaan di kalangan badan-badan bukan kerajaan, parti-parti politik dan masyarakat umum;
- Meminda Akta Perlindungan Alam Sekitar supaya sesuatu projek tidak boleh dilaksanakan/dimulakan tanpa kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar dan Sosial dan komitmen penaja secara bertulis untuk melaksanakan semua syarat pengurangan impak negatif yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, dan mengenalpasti prosedur penyampaian maklumat dan perundingan di dalam proses Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) supaya melibatkan golongan utama yang terlibat;
- Menyelaraskan undang-undang perlindungan alam sekitar di peringkat negeri dan persekutuan supaya penguatkuasaan dan pengawasan lebih berkesan dan cekap (*cost-effective*);
- Menguatkuasakan undang-undang untuk melindungi harta-harta warisan kebangsaan, dan meningkatkan denda dan hukuman kerana kesalahan melanggar Akta Perlindungan Alam Sekitar serta undang-undang perlindungan harta warisan kebangsaan;
- Memastikan bahawa tiap-tiap negeri mengambil langkah mewartakan taman negara atau taman pemeliharaan yang menasabah serta tapak-tapak perbandaran dan perumahan baru dalam pelan induk;
- Berusaha ke arah penyelarasan undang-undang perhutanan dan pem-

balakan di antara negeri dan mewujudkan sistem pemeriksaan yang bebas untuk memastikan bahawa semua undang-undangnya dilaksanakan dengan tegas;

- Menggalakkan semua negeri mewartakan kawasan tadahan air yang mencukupi bagi masa depan secepat mungkin;
- Berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya melaksanakan pelan pemeliharaan yang sedia ada serta menyediakan pelan pemeliharaan yang baru di mana perlu.

### **3.6. Kepenggunaan dan Harga**

Barisan Alternatif menganggap bahawa kerajaan bertanggungjawab melindungi kepentingan rakyat sebagai pengguna, antara lain dengan memajukan mutu hidup dan mengawal kos hidup. Oleh demikian, kami berjanji akan:

- Memperkuatkan undang-undang perlindungan pengguna, khususnya dari segi kawalan harga barang dan kos perkhidmatan serta mutunya, terutamanya pada musim perayaan;
- Mengkaji semula Akta Pengguna supaya sebuah Tribunal bebas ditubuhkan dengan penyertaan badan-badan bukan kerajaan, untuk mengenalpasti senarai barang-barang keperluan serta mengawal kenaikan harga barang-barang tersebut dengan mewujudkan satu sistem indeks harga bagi tujuan pengawalan;
- Menggalakkan gerakan koperasi dalam bidang pengeluaran dan pengedaran barang perlu;
- Menggalakkan persatuan-persatuan pengguna bergiat dengan lebih cergas supaya meningkatkan tahap kesedaran pengguna akan hak mereka;
- Mengawal pengiklanan supaya tidak menjejaskan maruah kaum wanita atau golongan lain.

### **3.7. Pekerja**

Supaya Malaysia dapat meningkatkan daya saingnya di dalam ekonomi global alaf baru, pekerja perlu bersifat fleksibel dari segi kemahiran dan kemampuan mereka, bersikap inovatif dan sentiasa meningkatkan pro-

duktiviti mereka. Demi itu, proses pendidikan berterusan, suasana bekerja serta rangka perhubungan perusahaan amat penting, bukan hanya dari segi hak pekerja, tetapi juga dari segi kepentingan negara. Kami berjanji akan:

- Membentuk rangka perundingan tiga pihak (*tripartism*) yang berkesan, adil dan demokratik, dan meminda undang-undang buruh, kesatuan sekerja dan perhubungan perusahaan sesuai dengannya;
- Memansuhkan atau meminda undang-undang yang menyekat hak pekerja untuk membentuk, menyertai dan bergiat dalam kesatuan sekerja;
- Mengkaji semula dan mengemaskinikan faedah-faedah pemberhentian kerja serta mengkaji pembentukan dana kebangsaan bagi membantu para pekerja yang diberhentikan (*retrenchment fund*);
- Menetapkan gaji minima bulanan yang menasabah untuk pekerja-pekerja bergaji harian;
- Menetapkan gaji minima bulanan yang menasabah untuk pekerja estet dan melaksanakan skim perumahan untuk pekerja estet secara serius;
- Memberi teladan ke arah sistem bekerja 5 hari seminggu dengan waktu kerja biasa tidak melebihi 40 jam seminggu;
- Mengkaji semula cara pengambilan dan pengupahan pekerja asing di samping mengurangkan pergantungan kepada mereka;
- Mengiktiraf hak penglibatan kesatuan sekerja dan pemimpin kesatuan sekerja dalam politik kebangsaan;
- Menaikkan umur bersara kepada umur 60 tahun bagi sektor awam sesuai dengan peningkatan kesihatan dan jangka hidup;
- Memastikan gaji atau ganjaran yang sama bagi lelaki dan perempuan untuk kerja atau tugas yang sama;
- Meningkatkan cuti bersalin ibu di sektor awam kepada 90 hari dan memperkenalkan cuti kebapaan suaminya sebanyak 7 hari;
- Memperbanyakkan program latihan dan pendidikan berterusan bersama sektor swasta demi meningkatkan fleksibiliti, kemahiran dan produktiviti pekerja;
- Mengadakan program latihan semula untuk para pekerja yang diberhentikan kerja;
- Mengkaji semula keberkesanan Institut Nasional Untuk Keselamatan

dan Kesihatan Kerja dan memperbetulkan kekurangan-kekurangannya

### **3.8. Wanita**

Kerajaan BN menganggap kaum wanita sebagai sumber tenaga manusia sampingan; mereka digalakkan bekerja di luar rumah apabila timbul kekurangan tenaga pekerja dan kembali ke rumahtangga apabila pengangguran meningkat.

Kami akan:

- Memperketatkan undang-undang berkenaan hak, kepentingan dan martabat wanita dan memansuhkan undang-undang serta peraturan yang mendiskriminasi terhadap wanita.
- Melindungi hak serta kebajikan wanita yang ditinggalkan suami tanpa nafkah yang berpatutan.
- Meneruskan penerimaan pencen bagi balu walaupun mereka berkahwin lain.
- Menyediakan kemudahan-kemudahan asuhan bayi dalam komuniti dan di tempat kerja.
- Memperkenalkan waktu kerja anjal bagi kaum wanita yang bekerja.
- Mengkaji Agenda Perubahan Untuk Wanita dengan tujuan untuk melaksanakan perakuan-perakuan yang sesuai.

### **3.9. Belia**

Kegagalan atau kurang keberkesanan berbagai program untuk belia ialah kerana program diatur tanpa perundingan penuh dengan belia sendiri dan penyertaan mereka. Kami akan memberi nafas baru kepada program belia melalui perundingan bermakna dengan belia sendiri. Kami akan menimbangakan bagaimana:

- Memberi dorongan dan kemudahan kepada belia untuk mempertingkatkan bakat dalam bidang seni, sukan dan budaya;
- Mengadakan projek-projek khusus untuk mencungkil bakat pimpinan dalam bidang perkembangan diri, budaya, keusahawanan, dan sosial;
- Mengatasi masalah-masalah yang sering dihadapi oleh sesetengah belia

seperti pengangguran, salahguna dadah, keciciran dan masalah-masalah akhlak dengan pendekatan yang tidak mengasingkan mereka lagi;

- Membuka peluang yang lebih luas kepada belia dari pelbagai latarbelakang sosial untuk menyertai latihan kemahiran dan projek ekonomi;
- Menyediakan pusat pemulihan yang lebih berkesan serta peluang pekerjaan bagi belia yang menjadi mangsa gejala sosial, supaya mereka dapat diserap kembali ke dalam masyarakat dari segi peluang kehidupan bermasyarakat.

### 3.10. Warga Tua dan Pesara

Warga tua dan pesara patut mendapat tempat yang sesuai dalam masyarakat yang pesat membangun. Oleh kerana tidak terlalu sibuk dengan beban kerja, warga tua patut digalakkan memainkan peranan lebih besar dalam masyarakat. Kerajaan tempatan patut memulakan program di kalangan masyarakat untuk menggerakkan warga tua ke arah ini.

Untuk menjaga kebajikan warga tua dan pesara, kami akan:

- Menetapkan kadar pencen minima supaya warga tua mampu menyara diri;
- Membolehkan pesara yang masih ingin bekerja supaya dapat menyumbang kepada pembangunan nasional;
- Mengadakan sistem tambang separuh harga untuk para warga tua dan pesara bagi semua jenis pengangkutan awam;
- Mewajibkan anak-anak dan waris terdekat bertanggungjawab bagi penjagaan warga tua dan menyokong langkah demikian dengan pengecualian cukai serta kemudahan-kemudahan lain;
- Memastikan bahawa warga tua mendapat keutamaan dalam menetapkan giliran mengerjakan haji;
- Menggalakkan badan-badan bukan kerajaan mengembangkan lagi program dan kursus untuk golongan warga tua dan pesara yang ingin mencungkil bakat dan menguasai kemahiran baru, menyertai pelancongan bersifat pendidikan, kursus bahasa, pendidikan jasmani, dan sebagainya.

## **4. PERPADUAN NASIONAL**

Perpaduan nasional masih merupakan cabaran besar bagi Malaysia. Oleh demikian, Barisan Alternatif akan menumpu perhatian terhadap usaha berterusan untuk mengeratkan perpaduan antara semua golongan masyarakat Malaysia:

- Menghapuskan amalan dan dasar “pecah dan perintah” antara kaum yang sering diamalkan oleh Kerajaan BN untuk terus berkuasa;
- Menegakkan perpaduan nasional berasaskan keadilan serta kepelbagaian budaya;
- Mendukung peruntukan hak istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan, tetapi menentang penyalahgunaannya (misalnya untuk menguasai kekayaan bagi segolongan kecil kroni), dan memperluaskan lingkungan tindakan afirmatif kepada golongan yang lemah dan mundur tanpa mengira kaum, latarbelakang sosial dan agama.
- Memberi perhatian dan tumpuan yang wajar kepada Orang Asli serta semua kelompok orang-orang asal di Sabah dan Sarawak, dan meminda berbagai dasar dan peraturan berkenaan mereka supaya berlaku adil terhadap mereka, termasuk menubuhkan Suruhanjaya untuk melindungi tanah Hak Adat Orang Asal (native customary rights, NCR) menyelesaikan masalah-masalah tuntutan tanah di samping menghormati nilai-nilai dan tradisi masyarakat orang asal;
- Memantapkan hubungan baik antara Negeri dan Pusat dalam rangka sistem Persekutuan yang adil dan bertanggungjawab lagi demokratik dalam perkara-perkara seperti peruntukan kewangan, penggunaan sumber alam dan pentadbiran tanah. Dalam hubungan ini, Perjanjian Petroleum antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri harus dikaji semula untuk menjamin keadilan untuk semua pihak;
- Memantapkan integrasi nasional dengan memulihkan hak serta keistimewaan yang pernah dijanjikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak di samping mengelakkan penyalahgunaan keistimewaan ini oleh segelintir pemimpin politik BN serta kroni mereka;
- Menubuhkan sebuah Majlis Hubungan Kaum yang bebas yang melapor terus kepada Parlimen demi membantu pembentukan Bangsa Malaysia yang bersatu padu.

#### 4.1. Agama dan budaya

Oleh kerana masyarakat adil yang menjadi hasrat kita dibina antara lain atas asas agama dan budaya, kita harus menentukan bahawa perspektif dan pendekatan kepada persoalan-persoalan agama dan budaya akan membantu kita mencapai matlamat yang murni itu.

- Membentuk Suruhanjaya Kehakiman Syari'ah di peringkat Persekutuan;
- Mengurangkan pengaruh politik kepartian dalam Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, masjid-masjid dan institusi-institusi agama Islam yang lain;
- Memperuntukkan tanah perkuburan dan tapak rumah ibadah bagi masyarakat bukan Islam selaras dengan prinsip kebebasan beragama;
- Memperbanyakkan dialog antara agama dan budaya untuk memupuk persefahaman di kalangan rakyat Malaysia;
- Menggalakkan pengkajian, penerangan, perbincangan dan penghayatan semua peradaban besar dunia yang memperkayakan budaya rakyat Malaysia;
- Mengembangkan budaya Malaysia yang berteraskan nilai-nilai akhlak dan prinsip-prinsip hidup yang mulia. Pembentukan budaya Malaysia memerlukan sikap terbuka kepada kepelbagaian budaya kaum dan suku kaum negara. Pada masa yang sama, rakyat harus memahami hakikat sejarah negara dan evolusi masyarakat Malaysia. Unsur-unsur budaya yang sihat dari luar harus diterima, tertakluk kepada tata susila masyarakat kita.

## **5. MEMBINA DEMOKRASI TULEN**

Demokrasi tulen memberikan ruang yang bermakna untuk penyuaran pendapat orang awam serta penyertaan orang awam dalam berbagai proses pemerintahan harian dan bukan hanya sekadar mengundi lima tahun sekali.

Kumpulan-kumpulan yang berkepentingan patut dibenarkan mengutarakan dan memperdebatkan pandangan masing-masing jika tidak menjejaskan keselamatan negara, tidak menghasut kelakuan ganas, atau bersifat fitnah semata-mata.

Maklumat yang penting haruslah terbuka kepada semua yang menghendakinya, tertakluk kepada undang-undang negara, yang harus dipinda untuk hanya merahsiakan perkara yang perlu dirahsiakan seperti rahsia ketenteraan.

Kami akan mengurangkan atau menghapuskan sama sekali segala bentuk tekanan atau ancaman pemerintah. Semua undang-undang anti-demokratik, seperti tahanan tanpa bicara, akan dimansuhkan.

Namun, kami akan memperkenalkan berbagai peraturan minima, yang membawa hukuman yang berat sekiranya dilanggar. Demokrasi tulen tidak bermakna 'apa saja pun boleh', tetapi ia memerlukan rakyat yang bertanggungjawab supaya mengawal diri dalam rangka peraturan-peraturan minima ini.

Kami juga akan:

- Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan menghentikan amalan penahanan tanpa bicara.
- Menubuhkan Suruhanjaya Bebas untuk mengkaji semula akta dan undang-undang (seperti Akta Rahsia Resmi (OSA), Akta Hasutan, Akta Polis, AUKU, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, dll) dengan tujuan menghapuskan aspek-aspek yang zalim dan mencabul hak asasi manusia.
- Menjamin kebebasan media serta hak berkumpul, bersuara dan berper-

satuan melalui pindaan kepada akta dan undang-undang tersebut; RTM akan diperbadankan tertakluk kepada sebuah Suruhanjaya Penyiaran yang bebas.

- Memastikan bahawa semua dasar, akta dan undang-undang dise-laraskan dengan sikap menjunjung kemuliaan dan martabat insan.
- Memastikan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia yang bebas dan berwibawa untuk melindungi dan memupuk hak-hak asasi manusia rakyat, di mana keahliannya mewakili semua golongan utama dalam masyarakat madani.
- Menggubal suatu Akta Kebebasan Maklumat (*Freedom of Information Act*) bagi menjamin ketelusan dan pengaliran maklumat kerajaan kepada rakyat.
- Menggubal undang-undang untuk melindungi orang yang mem-bongkarkan rasuah, penyelewengan dan salah laku kerajaan yang lain untuk memperbaiki pentadbiran.
- Menandatangani dan mengesahkan Kovenan Antarabangsa Tentang Hak-hak Sivil dan Politik dan Kovenan Antarabangsa Tentang Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Budaya.
- Meningkatkan mutu dan keberkesanan pendidikan hak asasi di semua peringkat persekolahan dan institusi pengajian tinggi serta pusat-pusat latihan perkhidmatan awam.
- Membaiki pentadbiran penjara supaya orang tahanan mendapat layanan yang sesuai dengan piawaian antarabangsa.

## **6. MEMULIHKAN IMEJ DAN KEDUDUKAN ANTARABANGSA**

Nama baik Malaysia telah dicemarkan oleh Kerajaan BN kebelakangan ini, bukan hanya kerana kes Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Lim Guan Eng serta kenyataan-kenyataan yang melulu, tetapi kerana amalan bertalam dua muka di dalam dan di luar negeri. Namun, Malaysia mempunyai peranan yang penting dalam arena antarabangsa akibat beberapa kejayaan dasar luar negeri yang kami akan pertahankan.

Kami akan tetap:

- Memberi tekanan kepada pendirian-pendirian antarabangsa Malaysia yang mendukung keadilan dan kepentingan negara-negara membangun di medan dan badan antarabangsa, dan akan meminda dasar luar negara Malaysia yang bercanggah dengan pendirian ini;
- Memperjuangkan pandangan dan kepentingan dunia membangun dalam forum-forum antarabangsa, dan kami akan cuba sedaya upaya untuk menggerakkan semula pergerakan negara berkecuali (*non-aligned movement*) dan memberikan nafas baru kepada Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC);
- Memperjuangkan reformasi dalam berbagai badan antarabangsa supaya lebih bersifat demokratik serta telus, dan kurang bersifat alat kuasa besar;
- Menyediakan negara untuk menangani globalisasi dengan prinsip 'terima yang jernih, buang yang keroh';
- Menjalin hubungan persahabatan dengan semua negara yang inginkan kedamaian dan kerjasama yang saling menguntungkan.

Oleh yang demikian, kami akan:

- Mendukung sistem antarabangsa baru yang adil serta demokratik, berdasarkan kesaksamaan dan kedaulatan nasional, saling hormat-menghormati, dan hak asasi;
- Melaksanakan dasar luar yang bebas serta berkecuali dan memastikan kepentingan ekonomi dan politik negara Malaysia sekali-kali tidak tertakluk kepada kepentingan kuasa besar dunia;
- Memperjuangkan reformasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB),

IMF (International Monetary Fund), Bank Dunia dan WTO (World Trade Organization) supaya menjamin keadilan bagi negara-negara kecil dan miskin serta rakyat dunia, dan tidak memihak kepada kepentingan syarikat gergasi antarabangsa atau kuasa-kuasa besar;

- Memastikan proses globalisasi tidak mengancam kepentingan negara dan rakyat jelata;
- Menentang pemusatan kekayaan dan penindasan di peringkat antarabangsa yang mengakibatkan jurang sosio-ekonomi bertambah lebar antara Utara dengan Selatan;
- Menyokong dasar “penglibatan membina” (*constructive engagement*) di kalangan negara-negara ASEAN dalam persoalan-persoalan pelaburan ekonomi, alam sekitar, hak asasi manusia, pekerja asing, dan masalah-masalah sosial lainnya;
- Mempertingkatkan kerjasama serantau di kalangan negara-negara anggota ASEAN dalam semua bidang;
- Memperluaskan hubungan di kalangan rakyat negara-negara ASEAN supaya hubungan itu tidak terbatas hanya kepada hubungan antara kerajaan;
- Memastikan bahawa wilayah Malaysia tidak akan ditawarkan lagi untuk dijadikan pengkalan tentera asing, seperti pernah ditawarkan oleh Kerajaan Mahathir, yang kononnya anti-Barat.

## **MASA DEPAN NEGARA DALAM TANGAN RAKYAT**

Kerajaan BN pernah mengaku dirinya 'bersih, cekap, amanah', tetapi sebenarnya, 'boros, curang dan angkuh'.

Untuk menyelamatkan Malaysia daripada cengkaman pimpinan rakus yang secara bermaharajalela mempertahankan, malah menambahkan lagi kuasa politik dan ekonominya, rakyat mesti bersatu padu untuk menolak pemerintahan BN pimpinan Mahathir.

Sesungguhnya, amatlah sukar bagi kami – yang serba kekurangan – menyalahkan BN, yang sedang terus menyalahgunakan kuasanya terhadap jentera dan perbelanjaan kerajaan, media siaran dan cetak, serta politik wang. Walau bagaimana pun, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa BN dewasa ini telah membuka jalan baru yang belum pernah diterokai rakyat Malaysia sebelumnya. Buat kali pertama sejak kemerdekaan, kebanyakan rakyat Malaysia daripada semua kaum menghendaki perubahan sedangkan parti politik alternatif pula berjaya bersatu demi keadilan. Sekurang-kurangnya, kesedaran rakyat yang meluas dan perpaduan parti alternatif yang kukuh akan mengurangkan dominasi Barisan Nasional dalam pilihanraya kesepuluh, dan insya Allah, memudahkan proses mengganti BN, yang telah mengkhianati amanah rakyat, dengan Barisan Alternatif.

**RAKYAT BOLEH  
SELAMATKAN MALAYSIA  
DEMI KEADILAN**

Oktober 1999

# **BARISAN ALTERNATIF**

## **Parti Islam SeMalaysia (PAS)**

22C, Jalan Pahang Barat, off Jalan Pahang,  
53000 Kuala Lumpur

Tal: 03-4025 4733 Faks: 03-4025 4740

Laman Internet: [www.parti-pas.org](http://www.parti-pas.org)

## **Parti Keadilan Nasional (KeADILan)**

101 & 201, Blok A, Pusat Dagangan Phileo Damansara II,  
No. 15, Jalan 16/11, Off Jalan Damansara,  
46350 Petaling Jaya, Selangor

Tal: 03-754 0469 Faks: 03-754 0419

Laman Internet: [www.keadilan.org](http://www.keadilan.org)

## **Parti Rakyat Malaysia (PRM)**

42, Jalan Masjid (3/69),  
46000 Petaling Jaya, Selangor

Tal: 03-791 2151 Faks: 03-791 8704

Laman Internet: [www.partirakyat.org](http://www.partirakyat.org)

## **Democratic Action Party (DAP)**

No. 24, Jalan 20/9,  
46300 Petaling Jaya, Selangor

Tal: 03-757 8127 Faks: 03-757 5718

Laman Internet: [www.malaysia.net/dap/](http://www.malaysia.net/dap/)

**Oktober 1999**

*Angkatas Edaran Enterprise Sdn. Bhd.*

*Tel: 03-5596373 Fax: 03-5527985*

# Manifesto Bersama Barisan Alternatif

